

27 JAN 1999

Mahathir-Lebuh raya

KADAR TOL LEBUH RAYA DAMANSARA-PUCHONG TURUN KEPADA RM1

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan penurunan kadar tol untuk Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) daripada RM1.50 kepada RM1 bagi kereta persendirian berkuatkuasa selepas Tahun Baru Cina.

Perdana Menteri juga berkata, kadar tol untuk kereta persendirian bagi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) akan dinaikkan sebanyak 0.75 sen sekilometer berkuatkuasa pada masa yang sama.

Penurunan kadar tol di LDP itu bermakna kerajaan terpaksa membayar RM85 juta setahun kepada syarikat konsesi Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd untuk menampung kerugian yang akan dialami oleh syarikat itu.

Bagi lebuh raya PLUS, dengan kenaikan kadar tol itu pengguna akan membayar 11.25 sen sekilometer.

Ketika bercakap pada persidangan berita khas di Jabatan Perdana Menteri di sini bagi memperjelaskan isu tol, Dr Mahathir berkata kerajaan turut membuat keputusan menangguhkan pembinaan lebuh raya baru oleh syarikat swasta kerana rakyat negara ini belum bersedia untuk menggunakan jalan raya berkualiti dengan membayar tol.

"Jalan-jalan baru tidak akan dibina sehingga pengguna bersedia menggunakan jalan melalui bayaran tol," kata Dr Mahathir yang memberi penjelasan panjang lebar kenapa kerajaan perlu menswastakan projek pembinaan jalan raya.

Beliau berkata beliau terpaksa campur tangan dalam isu itu kerana adanya sentimen dengan kepercayaan bahawa tidak lama lagi akan ada pilihan raya dan kerajaan akan kalah pada pilihan raya kerana tidak turunkan kadar tol.

"Kita terima bahawa dalam negara demokrasi, kita terbuka kepada ancaman... apabila kerajaan diancam maka ia akan bertindak mengikut cara yang diingini ramai dan kita akan membuat sesuatu yang akan merugikan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, keputusan menurunkan kadar tol di LDP mengakibatkan kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan untuk projek-projek lain kerana sejumlah RM85 juta terpaksa dibayar sebagai ganti rugi kepada syarikat konsesi lebuh raya itu.

Penangguhan projek baru jalan tol akan turut membabitkan projek lebuh raya pantai timur, katanya.

Perdana Menteri mahu rakyat faham bahawa tujuan kerajaan menswastakan projek pembinaan jalan di negara ini adalah untuk menyediakan jalan-jalan berkualiti, selamat dan menjimatkan.

Perangkaan kemalangan di jalan tol dengan di jalan biasa di negara ini jelas membuktikan bahawa pengguna jalan tol adalah lebih selamat.

Pada masa yang sama walaupun terpaksa membayar tol, para pengguna jalan tol turut menjimatkan perbelanjaan kerana mereka dapat menjimatkan masa perjalanan secara perbandingan dengan pengguna jalan biasa.

Ini kerana kenderaan yang menggunakan masa perjalanan lebih lama perlu menggunakan lebih banyak minyak dan kos penyenggaraannya juga akan meningkat, katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mampu membina jalan seperti itu kerana ia membabitkan kos yang terlalu tinggi dan perlu mengambil masa yang lama bagi mengumpulkan wang secukupnya.

"Jika kerajaan menunggu hingga wang cukup untuk membina jalan raya, mungkin kita tidak dapat merasai dapat menggunakan jalan raya yang

sempurna," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu menaikkan cukai tertentu seperti cukai kenderaan dan cukai minyak untuk mendapatkan wang bagi membiayai projek pembinaan lebuh raya kerana tidak ramai bilangan pengguna jalan raya yang akan menggunakannya.

"Adalah tidak adil pengguna lebuh raya bergantung kepada cukai yang dikutip daripada pengguna jalan raya biasa," katanya.

Katanya, ada negara lain seperti Amerika Syarikat mengutip cukai minyak sebanyak 5 sen segelen untuk mengumpul wang bagi membiayai projek pembangunan jalan di negara itu dan jika Malaysia menggunakan cara sedemikian mereka yang tidak menggunakan jalan raya juga terpaksa membayar.

"Sebab itu kita putuskan untuk membina jalan tol, dan oleh kerana pengguna akan membayar tol, standard jalan yang dibina adalah lebih baik daripada jalan-jalan biasa," katanya.

Beliau berkata jalan-jalan tol seperti lebuh raya dibina dengan enam lorong dan lurus untuk keselesaan lalulintas selain menyediakan pelbagai kemudahan seperti tempat-tempat rehat.

Sistem jalan raya yang baik yang disediakan oleh jalan-jalan tol telah dapat mengurangkan kemalangan dan kematian akibat kemalangan.

"Bila kita gunakan jalan tol, kita menyelamatkan nyawa," katanya.

Dr Mahathir berkata pengguna jalan tol sebenarnya membayar tol daripada wang yang dijimati atas penggunaan minyak yang kurang berbanding jalan biasa dan juga kurangnya "wear and tear" kenderaan.

"Nampak macam kita kena bayar banyak, tetapi penjimatan banyak selain menyelamatkan nyawa," katanya.

Beliau merayu kepada pihak akhbar supaya membuat perbandingan perangkaan kemalangan di jalan-jalan tol dengan di jalan-jalan biasa.

"Saya amat bimbang dengan angka kematian dan kemalangan," katanya.

Perdana Menteri juga mempelawa akhbar serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melihat jalan-jalan tol di negara-negara membangun untuk membandingkan sama ada ia setanding dengan standard di Malaysia.

"Kalau ada negara-negara membangun lain yang mempunyai jalan sebaik Malaysia, sila buat laporan, saya nak beri hadiah," katanya.

Menyentuh mengenai ketidak-sediaan rakyat untuk mendapat jalan berkualiti melalui pembayaran tol, Dr Mahathir berkata penangguhan projek-projek baru jalan tol akan meningkatkan kos pembinaannya pada masa akan datang.

"Bila bina jalan lebih awal, tol lebih rendah, jika kita tunggu 10 atau 15 tahun lagi untuk bina jalan, perbelanjaannya lebih banyak," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh kos membina lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban dahulu kira-kira RM42 juta sahaja untuk jarak kira-kira 40 kilometer tetapi kos untuk menaik taraf pada beberapa bahagian lebuh raya itu kemudiannya menjadi hampir dua kali ganda kos asal.

Penjimatan kos juga merupakan salah satu sebab mengapa kerajaan memutuskan untuk menswastakan pembinaan jalan di negara ini, katanya.

Beliau juga berkata bahawa kadar tol di Malaysia adalah amat murah berbanding dengan negara lain seperti di Jepun. Di negara itu pengguna perlu membayar RM1 sekilometer berbanding di Malaysia sebanyak kira-kira 11 sen sekilometer.

-- BERNAMA

AFY MAM MK NMO